



28 Ogos 2012  
28 August 2012  
P.U. (A) 271

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 6) 2012

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF  
TAX AND STAMP DUTY) (NO. 6) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965**

**PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 6) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 6) 2012**.
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 28 Ogos 2012.

**Peremitan cukai**

2. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] hendaklah diremitkan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara atau dokumen yang berhubung dengan penerbitan mana-mana sekuriti berdasarkan Syariah sehingga jumlah dua billion ringgit (RM2,000,000,000.00) ("Sukuk Murabahah") oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad ("Penerbit") termasuklah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan jaminan ("Jaminan") yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia, yang kena dibayar oleh—

- (a) Penerbit, yang baginya Akta ini terpakai menurut kuasa Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Syarikat Prasarana Negara Berhad) 2001 [P.U. (A) 351/2001];
- (b) mana-mana pemegang Sukuk Murabahah; atau
- (c) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Sukuk Murabahah atau Jaminan, termasuklah mana-mana pihak lain yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen itu dipindahkan atau diserahhakkan.